

HARI STATISTIK SEDUNIA

MALAYSIA 20.10.2015

Data Berkualiti, Kehidupan Sejahtera

EDISI PENUTUP
NEWSLETTER WSD
NOVEMBER 2015

Rangkuman aktiviti sambutan **HARI STATISTIK SEDUNIA 2015**

BICARA STATISTIK Universiti
Sept-Okt 2015
MUST | UKM | UiTM | UUM | UTHM

StatsRun 2015
17 Oktober 2015
Dataran Putrajaya
Presint 3

BICARA STATISTIK
20 Oktober 2015
Auditorium JPA,
Putrajaya

Malaysia Statistics Conference MyStats
17 November 2015
Sasana Kijang
Kuala Lumpur

September - Oktober 2015

Bicara Statistik Universiti



Program Bicara Statistik Universiti adalah sesi perkongsian maklumat dan pertukaran idea berkaitan statistik serta memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Program ini khusus diadakan bagi warga universiti sama ada tenaga pengajar maupun pelajar. Sepanjang September dan Oktober 2015, beberapa sesi Bicara Statistik Universiti telah berlangsung iaitu di Malaysia University of Science and Technology (MUST), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



Malaysia University of Science and Technology (MUST)

Sesi Bicara Statistik Universiti di MUST telah berlangsung pada 17 September 2015 dengan tajuk pembentangan DOSM *Micro Datasets for Academic Research: Type, Scope and User Guideline*. Pembentang adalah Encik Abang Saifulhadi bin Ibrahim, dari Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna, Jabatan Perangkaan Malaysia. Selain daripada pensyarah dan pelajar, Dekan Fakulti Perniagaan iaitu YBhg. Dr. Yeah Kim Leng dan Prof. Dr. Sellappan, Dekan Fakulti Sains & Kejuruteraan turut bersama-sama dalam sesi tersebut.

MUST





sambungan...

September - Oktober 2015

2

Bicara Statistik Universiti

U K M



Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

UKM adalah lokasi kedua bagi program Bicara Statistik Universiti. Ia diadakan pada 16 Oktober 2015 dengan tajuk pembentangan adalah e-Services. Pembentang bagi sesi tersebut adalah Puan Rafliza Ramli dan Cik Nurul Aini Abd. Wahab dari Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna, Jabatan Perangkaan Malaysia.




Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Pada 16 Oktober 2015 juga berlangsung sesi Bicara Statistik Universiti di **UiTM Shah Alam**, dengan tajuk pembentangan *Manufacturing Statistics*. Pembentang adalah Encik Mohd Yazid Kassim dari Bahagian Perangkaan Pengeluaran dan Industri Binaan, Jabatan Perangkaan Malaysia. Sesi tersebut dihadiri oleh pelajar-pelajar Sarjana Muda Statistik, UiTM Shah Alam.



Bagi **UiTM Kota Bharu**, sesi yang sama telah diadakan pada 26 Oktober 2015 dengan tajuk pembentangan Peranan Jabatan Perangkaan dan Panduan Penggunaan eData Jabatan. Pembentang pada sesi tersebut adalah Puan Shafizaermawaty Shafie dari Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan. Encik Khairolnizam bin Hasan dari Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna, Jabatan Perangkaan Malaysia turut berkongsi tentang Online Services (e-Services) di sesi yang sama.



Seterusnya, **UiTM Seremban** turut mengadakan sesi yang sama pada 28 Oktober 2015 dengan tajuk pembentangan adalah Statistik Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah di Malaysia. Pembentang adalah Cik Azura binti Arzemi dari Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Malaysia.

U I T M



Shah Alam



Kota Bharu



Seremban

U U M



Universiti Utara Malaysia (UUM)

Sesi yang sama telah diadakan di utara semenanjung Malaysia iaitu di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 20 Oktober 2015. Tajuk pembentangan adalah e-Services dan *Big Data*. Pembentang bagi sesi di UUM adalah Encik Abang Saifulhadi Ibrahim dari Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna, bersama Puan Siti Haslinda Mohd Ali dari Bahagian Metodologi dan Penyelidikan, Jabatan Perangkaan Malaysia.



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Sesi Bicara Statistik Universiti juga bergerak ke selatan tanah air iaitu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat Johor. Program ini telah berlangsung pada 22 Oktober 2015 dengan tajuk pembentangan Cabaran Dalam Pengurusan Data: Masa Kini dan Akan Datang. Pembentang bagi sesi di UTHM adalah Puan Siti Asiah Ahmad dari Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia.

U T H M



"How we find our budget for a month?
...that is a statistics in informal question"

-Sabariah Saharan
Pensyarah UTHM

((FEEDBACK))
Statistik adalah...

"Suggest to have Boot Camp and Seminar / Workshop for Statistics"

-Prof. Madya Dr. Nur Riza,
Pensyarah UKM

"It is good to share information between industries players and government"

-Maria Elena
Pensyarah UTHM

"Statistics important for Predicting Disease & Quality testing & Studies"

-Elangovan Narayanan,
Pelajar UKM

"Statistics is important to be an intelligent consumer"

-Muna Athirah,
Pelajar UKM

17 Oktober 2015



StatsRun 2015

PUTRAJAYA - Lebih 4,500 peserta telah terlibat dalam acara StatsRun 2015 yang dianjurkan sempena sambutan Hari Statistik Sedunia 2015 dengan tema Data Berkualiti, Kehidupan Sejahtera. Acara ini telah dirasmikan dan dimulai dengan larian oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Acara tersebut telah berlangsung di Dataran Istana Kehakiman, Presint 3. Acara larian ini dibahagikan kepada 4 kategori iaitu 10km, 5km, 3km dan Fun Run. Para pemenang menerima hadiah wang tunai, medal dan e-sijil penyertaan. Selain daripada aktiviti larian, acara ini merupakan salah satu kaedah pendekatan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang awam tentang kepentingan statistik dalam kehidupan secara keseluruhannya.

Program ini adalah anjuran bersama antara Jabatan Perangkaan Malaysia dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya.



20 Oktober 2015

Bicara Statistik

Sempena kemuncak sambutan Hari Statistik Sedunia, Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengadakan program Bicara Statistik 2015 pada 20 Oktober 2015 bertemakan "**The Power of Statistics: Better Data Better Lives**". Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Seri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sesi ini telah menampilkan barisan panel iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob, Pengurus Telekom Malaysia Berhad, YBhg. Profesor Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, YBhg. Datuk Zakaria Abd. Wahab, Ketua Pengarang, BERNAMA dan Puan Nazaria Baharudin, Pengarah Kanan Jabatan Perangkaan Malaysia dan Encik Shaik Abdul Rasheed Ghaffour, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia selaku moderator program tersebut. Program ini turut disertai oleh beberapa agensi kerajaan dan IPT.





MyStats Conference 2015



Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia telah menganjurkan persidangan kali ke-3 MyStats 2015 pada 17 November 2015 yang bertempat di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Seri Abdul Wahid Omar bertemakan "***Enriching Statistics in an Inter-connected and Digital World***".

Pemilihan tema adalah bertepatan dengan situasi dunia pada masa kini yang dihubungkan melalui sistem kewangan dan ekonomi serta integrasi teknologi maklumat. Dunia tanpa sempadan dengan kadar pemindahan maklumat yang cepat telah melahirkan "statistik baru" bagi tujuan analisis, dianogsis dan pengubalan dasar.

Terdapat 9 sesi pembentangan yang diadakan sepanjang program tersebut, diberi oleh para pembentang daripada pelbagai agensi dalam dan luar negara. Antara agensi tersebut adalah Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, ISM, MIT Sloan School of Management, EPU, UKM, UPM, USM, UPSI, UTeM, UNISEL, UMT, MDeC, MMU, ISIS, Monash University, MUST, Oracle, Google, Bank of Thailand, Bank Indonesia dan STIS Jakarta.

Persidangan ini telah berjaya menarik peserta melebihi 500 orang daripada pelbagai agensi. Pihak pengajur turut mengadakan pameran kerjaya kepada lebih 250 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai institusi pendidikan awam dan swasta.



UCAPAN SEMPENA WSD 2015

BAN KI-MOON

UNITED NATIONS SECRETARY-GENERAL

"On this World Statistics Day, I urge all partners and stakeholders to work together to ensure that the necessary investments are made, adequate technical capacity is built, new data sources are explored and innovative processes are applied to give all countries the comprehensive information systems they need to achieve sustainable development."

20.10.2015



Ikhlas dari
JK Sambutan Hari Statistik Sedunia 2015



Terima Kasih
& jumpa lagi



Hari Statistik Sedunia
MALAYSIA 20.10.2015
NEWSLETTER

EDISI PENUTUP
NEWSLETTER WSD
NOVEMBER 2015